



HASiL

# KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/03/06 – 20

## HARI HASiL KE-27 DISAMBUT MERIAH

06 Mac 2023, Cyberjaya – Tanggal 1 Mac 2023 merupakan tarikh genap 27 tahun buat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) sejak ia diperbadankan pada tahun 1996. Sambutan Hari HASiL pada tahun 2023 ini disambut meriah dengan kehadiran Yang Amat Berhormat (YAB) Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan bertempat di Dewan Bangsawan, Menara Hasil Cyberjaya.

Perasmian majlis gilang-gemilang ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan disiarkan secara langsung menerusi platform *youtube* untuk disaksikan oleh Team HASiL di seluruh Malaysia. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I, YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

M A L A Y S I A

HASiL telah berjaya mencipta sejarah kutipan cukai langsung tertinggi negara pada angka RM175.4 bilion atau peningkatan 21.75 peratus berbanding kutipan tahun 2021. Pada tahun 2023, HASiL menjangkakan sebanyak RM174.1 bilion dapat dikutip berdasarkan kepada prestasi persekitaran ekonomi semasa.

YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi dalam ucapan alu-aluannya memberikan jaminan bahawa HASiL akan terus komited, telus dan adil dalam melaksanakan fungsinya sebagai sebuah jentera kerajaan yang memikul amanah memungut cukai langsung negara. Tambahnya lagi, HASiL akan memberikan keutamaan (*priority*) yang tinggi terhadap sebarang isu, aduan dan cadangan penampaikan yang diberikan oleh rakyat bagi membolehkan HASiL memberikan perkhidmatan percukaian yang terbaik selaras dengan rukun ikrar HASiL yang keempat iaitu “memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan” dan seterusnya meningkatkan kadar pematuhan cukai dalam kalangan pembayar cukai di Malaysia.

Pada Majlis Sambutan Hari HASiL ke-27 ini, sebanyak **EMPAT (4)** transformasi sistem baharu bagi capaian umum dan **TIGA (3)** inisiatif baharu bagi capaian dalaman HASiL telah dilancarkan bagi menambah baik tadbir urus dalam memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Empat (4) transformasi sistem baharu tersebut ialah:

1. **Sistem e-TCC** merupakan platform yang disediakan oleh HASiL kepada pembayar cukai untuk mendapatkan **Tax Compliance Certificate (TCC)** atau **Sijil Pematuhan Cukai** sebagai dokumen rasmi prasyarat kepada syarikat yang ingin menyertai perolehan kerajaan. Platform ini membenarkan sijil dicetak melalui skrin MyTax sekiranya syarikat merupakan pembayar cukai (pembida perolehan kerajaan) yang mempunyai status pematuhan yang baik dalam pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dan bayaran cukai pendapatan.
2. **Sistem e-PC** sebagai kaedah baharu orang awam untuk membuat aduan berkenaan **pelarian cukai** yang dilakukan oleh mana-mana pembayar cukai individu atau perniagaan. e-PC ini telah dibangunkan bagi mengantikan kaedah e-mel dalam membuat aduan bagi memastikan pengurusan aduan yang lebih berstruktur dan sistematik.
3. **TikTok HASiL** telah dilancarkan secara rasminya pada 24 Februari 2023 dengan penampilan khas YBhg. Datuk Dr Mohd Nizom bin Sairi seiring dengan perkembangan dunia digital yang pesat. Terkini, segala maklumat percukaian dan hebatan semasa berkaitan HASiL turut boleh didapati melalui aplikasi TikTok sebagai usaha memperkasakan elemen AES (*Awareness, Education and Services*) dalam percukaian melalui saluran media sosial di pautan [tiktok.com/@lhdmofficial](https://tiktok.com/@lhdmofficial)

4. ***Malaysian Income Tax Reporting System (MITRS 2.0)*** yang dinaik taraf bagi memudahkan pengemukaan helaian kerja percukaian, penyata kewangan dan dokumen sokongan audit secara dalam talian. Kini, pembayar cukai boleh mengemukakan helaian kerja percukaian sehingga tahun taksiran terkini dan memuat naik penyata kewangan serta dokumen sokongan audit bersaiz sehingga 15mb. Sebagai makluman, kategori pengguna di bawah MITRS 2.0 ini juga telah diluaskan meliputi pembayar cukai kategori syarikat dan selain syarikat.

Manakala tiga (3) inisiatif baharu bagi capaian dalaman HASiL ialah:

1. ***Research Clip (RC)*** diperkenalkan dengan tujuan memaparkan **ringkasan kertas kajian** yang disediakan oleh Jabatan Penyelidikan Strategik (JPS) melalui pendekatan secara visual. RC ini turut menampilkan kajian yang mana penandaarasannya melibatkan elemen perbandingan pentadbir cukai negara luar berhubung isu yang dibincangkan dalam kertas kajian berkenaan yang kemudiannya akan diadaptasi mengikut kesesuaian pelaksanaan di Malaysia.
2. ***Manual Pengurusan Risiko (MPR) 2.0*** adalah merupakan **manual penambahbaikan kepada edisi pertama** yang diterbitkan pada tahun 2012 dengan maklumat terkini berdasarkan ISO 31000:2018 *Risk Management - Principles and Guidelines* serta mengambil kira pelaksanaan perubahan struktur organisasi HASiL yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2023. MPR ini disediakan bertujuan sebagai rujukan kepada *Risk Care Officer (RCO) / Deputy Risk Care Officer (DRCO)* dan pegawai-pegawai dalam menguruskan risiko di jabatan / negeri di samping membantu mereka mengenal pasti risiko yang boleh

menjejaskan pencapaian objektif HASiL serta memastikan tindakan kawalan risiko yang efektif dapat diambil untuk mengurangkan kebarangkalian dan impak yang boleh menjejaskan reputasi atau imej organisasi.

3. ***IRBM Taxpayer Roadmap*** versi baharu telah ditambah baik dengan paparan interaktif bagi tujuan **panduan umum kepada orang awam** berkenaan pentadbiran cukai pendapatan di Malaysia bermula daripada proses penyediaan borang, aktiviti pematuhan, kutipan cukai, pendakwaan dan seterusnya proses rayuan. HASiL berharap *Taxpayer Roadmap* ini dapat membantu orang awam memahami pentadbiran percukaian seterusnya meningkatkan tahap kesedaran cukai dalam kalangan pembayar cukai di Malaysia.

Sebanyak 10 pembayar cukai dari kategori syarikat korporat yang mempamerkan prestasi pematuhan yang tinggi dalam tahun 2022 telah dipilih sebagai penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik. Pemilihan penerima anugerah ini telah dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan iaitu:

- i. Amaun cukai yang dibayar adalah signifikan;
- ii. Tiada tunggakan cukai sehingga Tahun 2022;
- iii. Mematuhi bayaran ansuran CP204 tahun semasa;
- iv. Pembayar cukai bukan sedang diaudit atau dalam tindakan siasatan cukai; dan
- v. Pembayar cukai bukan dalam tindakan guaman sivil atau pendakwaan oleh HASiL.

Senarai penerima **Anugerah Pembayar Cukai Terbaik** bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

1. TNB Power Generation Sdn. Bhd.
2. Xinyi Energy Smart (Malaysia) Sdn. Bhd.
3. Hong Leong Islamic Bank Berhad
4. 99 Speed Mart Sdn. Bhd.
5. Mount Hatton Investments Limited
6. HSBC Amanah Malaysia Berhad
7. Bakun Hydro Power Generation Sdn. Bhd.
8. Hong Leong Yamaha Motor Sdn. Bhd.
9. Telekom Malaysia Bhd.
10. Coway (Malaysia) Sdn. Bhd.

HASiL turut mengiktiraf seramai lima (5) orang dari Team HASiL sebagai penerima Anugerah '*Most Outstanding Hasilian*' (MOH) bagi tahun 2022 atas kecemerlangan, profesionalisme, integriti dan nilai *versatile* yang telah ditunjukkan. Senarai penerima Anugerah '***Most Outstanding Hasilian***' adalah seperti berikut:

1. Puan Idahroyani binti Setam, Jabatan Teknologi Maklumat;
2. Encik Mohd Rizal bin Abdul Rahman, Cawangan Industri Khusus;
3. Puan Haziqah binti Jaafar, LHDNM Selangor lokaliti Klang;
4. Encik Izrul Syahrul bin Zulkifli, Cawangan Pembayar Cukai Besar; dan
5. Puan Paezah binti Ahmad, Jabatan Pengurusan Insan.

Pada tahun ini, HASiL turut menganjurkan pelbagai aktiviti menarik seperti *Virtual Tax-Edu Challenge 2023*, Majlis Bacaan Yasin, Solat Hajat dan Ceramah Perdana, Program HASiL Kasih Prihatin (CSR) dan HASiL Run.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/public>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 06 Mac 2023**

**LAMPIRAN**

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menyampaikan ucapan perasmian sempena sambutan Hari HASiL ke-27.



Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan menyempurnakan gimik pelancaran diiringi oleh YB Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan, Timbalan Menteri Kewangan I (dua dari kanan), YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (pertama dari kanan) serta YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (pertama dari kiri).



YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bergambar bersama-sama 10 penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik Tahun 2022.



YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bergambar bersama-sama 5 penerima Anugerah Most Outstanding Hasilian Tahun 2022.